

**PENAFSIRAN GOLONGAN *AL-RIQĀB* DI MALAYSIA BERDASARKAN
KAEDAH TINJAUAN LITERATUR SISTEMATIK**

*(The Interpretation of the al-Riqāb Group in Malaysia Based on Systematic
Literature Review)*

¹RADEN SAIDATUL AKMAR HASNAN*

¹SYARUL AZMAN SHAHARUDDIN

¹AEMY ELYANI MAT ZAIN

²ALAWIYAH TENGAH

¹Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, 43000
Kajang, Selangor, Malaysia

²Fakulti Ekonomi, Perakaunan & Pengurusan, Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Menurut ulama terdahulu, istilah *al-Riqāb* diterjemah sebagai hamba mukātab atau hamba yang ingin membebaskan dirinya daripada dibelenggu oleh pemiliknya. Sementara itu, ulama kontemporari menafsirkan *al-Riqāb* sebagai membebaskan hamba yang terbelenggu menggunakan zakat atau bayar secara ansuran. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis penafsiran golongan *al-Riqāb* di Malaysia dengan kaedah *Systematic Literature Review* (SLR). Objektif kajian ini adalah untuk memahami bagaimana konsep *al-Riqāb* telah digunakan di Malaysia dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini iaitu dari tahun 2019 hingga 2024. Metodologi kajian melibatkan analisis dokumen daripada artikel, jurnal dan tesis yang diperoleh melalui pangkalan data dalam talian iaitu menerusi *Google Scholar*, *Semantic Scholar* dan *ResearchGate*. Kajian ini juga dijalankan dengan tahap identifikasi, pemeriksaan, kelayakan dan analisis ringkasan literatur (dapatan kajian). Daripada 25 kajian yang relevan, 16 telah disaring untuk dianalisis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa

*Corresponding author: Raden Saidatul Akmar Hasnan, Faculty of Islamic Civilization Studies, Selangor Islamic University, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia, email: raden.saidatul00@gmail.com
Diserahkan: 17 Disember 2024
Diterima: 5. Jun 2025

tafsiran *al-Riqāb* telah diperluas secara signifikan dengan penekanan pada golongan yang terbelenggu dalam masalah sosial dan akidah. Kesimpulannya, kajian ini menggesa lebih banyak penyelidikan dilakukan untuk mengembangkan pemahaman terhadap golongan *al-Riqāb* dan memastikan bantuan zakat disalurkan kepada kumpulan yang layak.

Kata kunci: *al-Riqāb*; *Asnaf al-Riqāb*; Hamba mukatāb; Tinjauan Literatur Sistematis (SLR)

ABSTRACT

The term al-Riqāb is translated as a mukātab slave or a slave seeking to free themselves from the bondage of their owner, according to earlier scholars. Meanwhile, contemporary scholars interpret al-Riqāb as the emancipation of slaves in bondage through zakat or by installment payments. Thus, this study aims to analyze the interpretation of the al-Riqāb group in Malaysia using the Systematic Literature Review (SLR) method. The objective of this study is to understand how the concept of al-Riqāb has been applied in Malaysia over the past five years, from 2019 to 2024. The methodology involves document analysis of articles, journals, and theses obtained from online databases, including Google Scholar, Semantic Scholar and ResearchGate. The study was conducted through the stages of identification, screening, eligibility and summary analysis of the literature (study findings). Out of 25 relevant studies, 16 were selected for analysis. The findings indicate that the interpretation of al-Riqāb has been significantly expanded, with a focus on groups trapped in social and faith-related issues. In conclusion, this study urges further research to deepen the understanding of the al-Riqāb group and ensure zakat assistance is directed to eligible groups.

Keywords: *al-Riqāb*; *asnaf al-Riqāb*; *mukatāb slave*; *Systematic Literature Review (SLR)*

PENDAHULUAN

Al-Riqāb merupakan salah satu golongan *asnaf* yang berhak menerima zakat. Hal ini termaktub di dalam al-Quran. Firman Allah SWT:

Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, amil zakat yang dilunakkan hatinya (mualaf), untuk (memerdekakan) hamba-hamba, (membebaskan) orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang dalam perjalanan sebagai satu kewajiban daripada Allah. Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana (al-Tawbah 9: 60).

al-Riqāb lazimnya merujuk kepada hamba mukātab yang membeli atau menebus dirinya sendiri untuk bebas secara beransur-ansur daripada tuannya. Oleh itu, para Fuqaha menyatakan bahawa istilah ini menunjukkan penghambaan sebagai ikatan yang menghalang seseorang daripada menikmati kebebasan (Azman Ab Rahman et al. 2016).

Imam Ibnu Kathir (2008) menafsirkan *al-Riqāb* secara menerus iaitu hamba *al-Mukātab* iaitu hamba yang dibantu dari segi kebebasannya. Hal ini sama dengan Imam Al-Tobari (2007) yang merujuk kepada para *al-Mukātab* yang ingin membebaskan diri daripada perhambaan namun beliau menambah dengan kaedah untuk merdeka iaitu dengan menulis kepada pemiliknya untuk dibebaskan. Imam al-Qasimi (1997) menjelaskan membebaskan hamba dengan membawa wang untuk membayar penebusan hamba tersebut. Sementara Imam al-Razi (1981) mendefinisikan *al-Riqāb* dengan dua bahagian iaitu pertama, *al-Riqāb* yang dimaksudkan dengan ‘leher’ kedua, ditafsirkan dengan maksud wang yang diberikan kepada hamba untuk dimerdekakan. Imam al-Zamakhshari (2006) pula menafsirkan *al-Riqāb* sebagai budak yang dibeli untuk dibebaskannya.

Ulama kontemporari, seperti Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaily menafsir semula *al-Riqāb* sebagai konsep yang lebih luas yang menggabungkan pelbagai jenis pembebasan sosial dan ekonomi yang berkaitan dengan masyarakat moden. Beliau menekankan bahawa *al-Riqāb* tidak seharusnya terhad kepada perhambaan fizikal; ia juga harus menangani masalah moden seperti eksploitasi, pemerdagangan manusia, kemiskinan struktur dan perhambaan hutang (Husain et al. 2024). Hal ini sejajar dengan pendapat Brown (2019) bahawa penggunaan kuasa yang melampau ke atas orang lain seperti perhambaan yang ganas atau dieksploitasi dengan cara yang tidak boleh diterima, perkahwinan paksa, perdagangan organ dan perdagangan seksual kanak-kanak adalah contoh perhambaan dan dikenali pada zaman kini sebagai perhambaan moden.

Konsep *al-Riqāb* pada zaman kini dapat juga dilihat pada negara-negara lain yang menafsirkannya secara moden. Menurut Husain et al. (2024), tafsiran *al-Riqāb* di Sulawesi Selatan telah berkembang untuk merangkumi pembebasan sosial dan ekonomi yang lebih luas daripada hanya membebaskan hamba. Dalam konteks budaya yang pelbagai, wilayah ini menafsirkan *al-Riqāb* sebagai individu yang dikekang oleh pelbagai jenis penindasan, seperti buruh paksa, pemerdagangan manusia, hutang, dan peminggiran sosioekonomi. Selain itu, menurut Tambini Stollwerck et al. (2024), Jerman menakrifkan *al-Riqāb* sejajar dengan piawai antarabangsa dan Eropah mengenai pemerdagangan manusia yang biasanya mentakrifkannya sebagai penculikan haram, pengangkutan, pemindahan, perlindungan atau penerimaan orang melalui ancaman, penggunaan kekerasan atau penipuan untuk tujuan eksploitasi.

Definisi di atas merupakan tafsiran ulama *mutaqaddimūn* (terdahulu) dan ulama *muta'akhirūn* (terkini) serta pandangan umum terhadap makna hamba pada zaman kini. Namun begitu, kajian ini berfokus kepada penafsiran golongan *al-Riqāb* menggunakan kaedah *Systematic Literature Review* (SLR). Menurut Mengist et al. (2020), SLR berbeza dengan ulasan naratif tradisional kerana SLR dapat membantu mengumpul semua dokumen penerbitan yang berkaitan sesuai dengan kriteria yang telah ditetapkan untuk menjawab persoalan penyelidikan tertentu. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis penafsiran golongan *al-Riqāb* di Malaysia berdasarkan dapatan dari kajian-kajian lepas dengan menggunakan kaedah SLR.

METODOLOGI

Bagi mengenal pasti penafsiran golongan *al-Riqāb* di Malaysia, kajian ini menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik yang menggunakan enjin carian yang sistematik. Menurut Xiao & Watson (2019), terdapat empat tahap dalam menghasilkan artikel analisis tinjauan literatur sistematik. Antaranya ialah tahap identifikasi, pemeriksaan, kelayakan dan analisis ringkasan literatur.

Identifikasi

Proses pertama dalam penulisan tinjauan sistematik literatur ialah mencari dan memastikan kata kunci yang bertepatan dengan tajuk yang dibincangkan. Pengkaji mendapatkan kata kunci yang sesuai dengan menyemak menerusi kamus, *thesaurus* dan kajian-kajian lepas. Pengkaji juga telah membuat pelaksanaan carian terhadap kata kunci secara variasi. Hal ini kerana, menurut Mohd Yusof et al. (2024), lebih banyak kata kunci yang digunakan, lebih banyak artikel yang boleh diambil daripada pangkalan data. Justeru, kata kunci yang dicari ialah khusus dalam bahasa Melayu dan pinjaman bahasa Arab seperti "*al-Riqāb*" DAN "*Malaysia*", "*asnaf al-Riqāb*" ATAU "*golongan al-Riqāb*" atau "*riqāb*" ATAU "*ar-riqāb*" serta dalam bahasa Inggeris seperti "*History slavery in Islam*" ATAU "*al-Riqab in Malaysia*". Kata kunci tersebut dimulakan carian secara berasingan terlebih dahulu pada setiap pangkalan data. Setelah itu, kesemua kata kunci itu digabungkan dengan *Boolean operator* (DAN, ATAU, NOT) apabila perlu.

Kaedah pengumpulan data bagi menyempurnakan kajian ini menerusi carian khusus pada tiga pangkalan data iaitu *Google Scholar*, *Semantic Scholar* dan *ResearchGate*. Menurut Jia-Guo Zhao (2014), menggunakan lebih daripada satu pangkalan data adalah satu keperluan untuk menghasilkan penulisan literatur sistematik yang komprehensif. Topik perbincangan bagi artikel ini dipilih melalui penilaian tajuk dan abstrak artikel jurnal. Ini bermakna SLR ini tidak memasukkan artikel yang tidak berkaitan dengan persoalan dan objektif kajian serta tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Kajian ini tertumpu kepada artikel penyelidikan Malaysia sahaja. Hal ini kerana menurut *The Trafficking in Persons Report 2011* yang menjelaskan bahawa isu perdagangan manusia masih berleluasa di Malaysia (*USA Department of State. 2011*). Berdasarkan kajian pada 2011, terdapat 3.9 juta mangsa yang terlibat dalam perdagangan manusia. Menurut Azman Ab Rahman et al. (2016), penghambaan masih wujud di Malaysia dan pandangan yang menyatakan bahawa tiada golongan hamba di Malaysia adalah tidak tepat. Beliau turut menyimpulkan bahawa asnaf *al-Riqāb* yang layak menerima zakat masih wujud di Malaysia.


Selain itu, kajian ini mengehendkan tempoh penerbitan dari tahun 2019 sehingga 2024 sahaja. Hal ini kerana menurut Cazzel (2020), sorotan literatur yang paling kuat adalah apabila artikel yang dipetik berumur kurang daripada 5 tahun, manakala yang kurang kuat adalah apabila artikel tersebut berumur kurang daripada 10 tahun. Hasil daripada carian, sebanyak 25 artikel yang dikumpulkan daripada carian menerusi pangkalan data.

Pemeriksaan

Senin et al. (2020) menyatakan bahawa objektif utama kajian adalah untuk mengeluarkan kajian yang sama dalam tiga pangkalan data yang digunakan dan memisahkan artikel yang tidak berkaitan dengan subjek kajian. Artikel yang dipilih mestilah membincangkan golongan *al-Riqāb*. Oleh itu, 20 daripada 25 artikel yang ditemui tidak berkaitan dengan objektif kajian ini. Ini menunjukkan bahawa pada peringkat ini, lima artikel daripada jumlah keseluruhan telah diasingkan.

Kelayakan

Pada peringkat kelayakan ini, 20 artikel telah dikaji dengan teliti dengan melihat abstrak dan mendapatkan akses kepada kertas kerja penuh. Hanya 16 artikel kajian literatur yang diterima untuk dinilai mengikut prinsip matrik SLR. Artikel-artikel yang dikeluarkan daripada proses ini ialah kebanyakannya membincangkan golongan yang bukan asnaf *al-Riqāb* seperti asnaf *al-Gharimin*, mualaf, 'amil zakat dan *ibnu sabil*.



RAJAH 1. Proses saringan artikel

DAPATAN KAJIAN

Hasil daripada proses saringan literatur lepas, terdapat 16 artikel yang dikenalpasti membincangkan secara langsung berkenaan golongan *al-Riqāb* di Malaysia. Berikut adalah ringkasan literatur yang terpilih.

Berdasarkan Jadual 1, terdapat 16 dapatan yang berhasil disenarai pendekkan oleh pengkaji sesuai dengan tapisan yang diaplikasi dalam konsep SLR ini. Jumlah 16 dapatan ini mewakili kajian-kajian yang terdapat di dalam platform *online* sahaja. Fokus utama kajian ini adalah untuk menganalisis penafsiran golongan *al-Riqāb* di Malaysia serta meninjau secara sistematik konsep yang telah dibahas oleh pengkaji-pengkaji dari tahun 2019 sehingga 2024.

JADUAL 1 Ringkasan Literatur.

Bil	Pengkaji, tahun	Latar Belakang	Elemen/tema/ sub tema	Dapatan Kajian
1	Rahman et al. (2019)	Program Pemulihan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT): Bahagian Pemulihan <i>Riqab</i> , Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)	<p>Fasa Pelaksanaan Program: Fasa 1: Ziarah Fasa 2: Jalanan Ukhwah Fasa 3: Bimbingan Fasa 4: Pengukuhan</p> <p>Ulama Islam berbeza pendapat dalam tafsiran mereka tentang maksud <i>al-Riqab</i>:</p> <ol style="list-style-type: none"> Membantu hamba yang ingin merdeka untuk membayar tuannya dikenali sebagai <i>al-Riqab</i>. <i>al-Riqab</i> ialah istilah yang digunakan untuk menggambarkan sama ada membeli hamba secara terus atau membebaskan mereka menggunakan wang zakat. <i>al-Riqab</i> merujuk kepada pembebasan tawanan perang. <i>al-Riqab</i> merujuk kepada membantu mereka yang dibebaskan daripada penajahan. <i>al-Riqab</i> boleh digunakan untuk membebaskan individu daripada perhambaan konsep, sumber, dan kuasa orang lain, seperti menafikan mereka akses kepada tanah mereka sendiri. Memastikan pembebasan orang yang tidak bersalah yang ditahan (ditawan) secara tidak adil oleh ejen kerajaan dikenali sebagai <i>al-riqab</i>. 	<p>Pengaju program mendapati bahawa tanggapan dan maklum balas daripada golongan LGBT yang menyertai program itu sangat membarangsangkan dan memuaskan. Para peserta tidak hanya mendapat pengetahuan agama tentang ibadah dan Haji Umrah, tetapi mereka juga mempunyai peluang untuk kembali kepada fitrah mereka yang asli.</p> <ol style="list-style-type: none"> Persetujuan Responden: Keutamaan utama untuk zakat dalam kategori <i>al-Riqab</i>, menurut responden, ialah "membebaskan seseorang daripada pemerintah yang zalim" (skor purata: 4.09/5.00) dan "membebaskan tawanan perang" (skor purata: 4.03/5.00). Ini menunjukkan kesepakatan yang luas mengenai keperluan untuk meluaskan maksud <i>riqab</i> bagi merangkumi bentuk penindasan dan perhambaan kontemporari ini. Perbezaan Statistik: Perbezaan yang ketara diperhatikan antara responden lelaki dan perempuan mengenai kepentingan "membebaskan tawanan perang," di mana lelaki memilai ini lebih tinggi daripada perempuan (nilai p: 0.002). Kebolehppercayaan Ukuran: Kebolehppercayaan soal selidik yang digunakan dalam kajian adalah boleh diterima (alfa Cronbach: 0.704), menunjukkan bahawa instrumen yang digunakan untuk mengumpul pandangan mengenai pengkategorian semula penerima <i>riqab</i> adalah konsisten dan boleh dipercayai.
2	Ismail et al. (2020)	Mengklasifikasikan Semula Penerima Zakat di bawah <i>Riqab</i> untuk Objektif Pembangunan yang Mampan		

Latar Belakang Masalah Kesehatan Mental:

Penerangan tentang peningkatan kesihatan mental global dan di Malaysia serta kesan buruk jika tidak ditangani, termasuk impak ekonomi dan sosial.

Konsep Asnaf *al-Riqāb*: Perbincangan mengenai definisi tradisional *al-Riqāb* yang melibatkan pembebasan perhambaan serta takrifan kontemporari oleh beberapa institusi zakat Malaysia, meliputi situasi moden yang memerlukan kebebasan dari “belunggu” mental dan fizikal.

Perluasan Konsep *al-Riqāb* untuk Pemulihan

Pesakit Mental: Mengkaji kesesuaian pesakit mental untuk dimasukkan sebagai penerima zakat *al-Riqāb* berdasarkan prinsip Maqasid Syariah untuk memelihara akal, termasuk cadangan kriteria penerima yang layak.

Cadangan Agihan Dana Zakat:

- Bantuan dana zakat langsung kepada individu pesakit mental yang disahkan pakar.
- Pembiayaan kepada institusi dan NGO yang menjalankan pemulihan pesakit mental.
- Latihan untuk menghasilkan lebih ramai pakar psikiatri dan kaunselor psikospiritual Islam bagi menangani kekurangan pakar di Malaysia.

Kajian mendapati bahawa konsep *al-Riqāb* boleh diperluas kepada golongan pesakit mental yang mengalami gangguan dalam kehidupan, yang mana mereka dianggap ‘terbelunggu’ oleh pesakit mental. Perluasan ini selari dengan Maqasid Syariah yang menekankan pemeliharaan akal sebagai salah satu objektif penting dalam Islam.

Cadangan Kontemporari Perluasan Konsep *al-Riqāb* bagi Pemulihan Pesakit Mental

Che Ahmat et al. (2020)

4	<p>Zakat kepada Golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) sebagai Asnaf <i>al-Riqāb</i>: Kajian ke atas Fatwa Negeri Selangor</p> <p>Zafriah et al. (2021)</p>	<p>Penaftiran Ulama Mengenai Asnaf <i>al-Riqāb</i> (ulama <i>muta'addimūn</i> & <i>muta'akhirūn</i>):</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Teori Pertama: Kitabah (Hamba Mukātab) 2) Teori Kedua: Hamba Sahaya 3) Teori Ketiga: Hamba Mukātab dan Hamba Sahaya 4) Teori Keempat: Menebus Tawanan <p>Penaftiran Ulama Kontemporari dan Fatwa Semasa:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Tawanan Perang 2) Umat Islam yang diculik. 3) Umat Islam yang dijajah. 4) Umat Islam yang dibelenggu. 	<p>Selangor merupakan satu-satunya negara yang progresif dalam menyantuni pelaku LGBT. Di bawah Fasal (A), Jawatan Kuasa Fatwa Negeri Selangor Bil 2/2011, bertarikh 14 Jun 2011, telah menetapkan bahawa individu yang terlibat dalam isu sosial, termasuk golongan LGBT, layak menerima zakat dalam kategori asnaf <i>al-Riqāb</i> berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak.</p>
5	<p>Perluasan Konsep <i>al-Riqāb</i> dalam Pengurusan Zakat: Satu Penilaian Fiqh</p> <p>Rosele et al. (2021)</p>	<p>Konsep <i>al-Riqāb</i> dalam Fiqh Zakat: Pembahasan mengenai <i>al-Riqāb</i> sebagai salah satu asnaf zakat, tafsiran klasik berhubung pembebasan hamba, serta perdebatan tafsiran asnaf ini.</p> <p>Tafsiran <i>al-Riqāb</i> di Malaysia: Kajian mengenai bagaimana <i>al-Riqāb</i> ditafsirkan di negeri-negeri di Malaysia, seperti tafsiran yang merangkumi masalah fizikal, mental, dan tawanan.</p> <p>Perluasan Tafsiran <i>al-Riqāb</i>: Analisis dan penilaian terhadap perluasan tafsiran <i>al-Riqāb</i>, termasuk pandangan Maqasid Syariah dan masalah.</p> <p>Penilaian terhadap Perluasan Tafsiran <i>al-Riqāb</i>: Mengkritik pendekatan memperluas tafsiran, terutama mengenai penggunaan dana zakat untuk masalah sosial dan akidah.</p>	<p>Kajian ini mendapati bahawa makna <i>al-Riqāb</i>, yang pada mulanya merujuk kepada pembebasan hamba, kini telah ditafsirkan kepada kategori lain seperti mereka yang mengalami gangguan fizikal dan mental. Untuk meningkatkan pengurusan zakat di Malaysia, perluasan ini dianggap terlalu jauh dari pemahaman fiqh asal <i>al-Riqāb</i>. Oleh itu, ia memerlukan justifikasi dan penilaian semula yang lebih mendalam.</p>

sambung....

Definisi Program dan Aktiviti Dakwah: Pengertian dakwah dan konsepnya menurut tokoh-tokoh Islam serta kepentingan dakwah dalam membawa perubahan hidup ke arah kebaikan (Dakwah kepada LGBT).

Penubuhan Bahagian Pemulihan *al-Riqāb*, MAIS:

Penerangan tentang Bahagian Pemulihan *al-Riqāb* di Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang bertujuan memulihkan golongan LGBT melalui program dakwah (Dakwah kepada LGBT).

Kajian menunjukkan bahawa inisiatif dakwah yang dilaksanakan oleh Bahagian Pemulihan *al-Riqāb*, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), memberi kesan positif kepada komuniti LGBT. Pelatih memperoleh pemahaman agama yang lebih baik dan keinginan untuk kembali kepada fitrah asal mereka melalui program seperti ziarah, kelas bimbingan agama dan usrah.

Pelaksanaan Program Dakwah Terhadap Komuniti LGBT:

Aktiviti-aktiviti dakwah yang dilakukan seperti ziarah, kelas bimbingan agama, usrah dan program lain yang bertujuan memulihkan golongan LGBT (Dakwah kepada LGBT).

Perbincangan Cabaran Dakwah kepada Golongan LGBT:

Halangan yang dihadapi dalam menjalankan program dakwah terhadap LGBT serta pentingnya pendekatan yang berikhtimamah dalam usaha ini.

Program Dakwah Bahagian Pemulihan *al-Riqāb*, MAIS terhadap komuniti LGBT: Satu Tinjauan Awal

Solehah Mat Aieh et al. (2021)

6

bersambung....

sambungan.....

Perlindungan:

- Bagian Pemulihan *al-Riqāb* menyediakan rumah perlindungan dan bantuan kepada komunitas LGBT yang memerlukan perlindungan, termasuk mereka yang menghadapi penyakit serius seperti HIV/AIDS.

Pemulihan:

- Kelas bimbingan agama, kaunseling dan program pemulihan dijalankan untuk membantu komunitas LGBT kembali kepada fitrah Islam.

Rawatan:

- Bantuan rawatan perubahan disediakan bagi komuniti yang memerlukan, terutamanya yang menghadapi HIV/AIDS.

Cabaran yang Dihadapi:

- Stigma dua hala antara komunitas LGBT dan pendakwah.
- Masalah hidup seperti trauma masa lalu dan cabaran kewangan.
- Perbezaan gaya hidup antara pendakwah dan komunitas LGBT.

Bahagian Pemulihan
al-Riqāb: Peranan dan
Cabarannya dalam
Menyantuni Komuniti
LGBT

7 Mokhtar et al.
(2021)

- Modul LGBT diharap dapat dilaksanakan dengan lebih baik setelah dimurnikan dan disesuaikan dengan realiti semasa.
- Terdapat keperluan untuk terus mengurangkan jurang stigma antara pendakwah dan komunitas LGBT dengan menggalakkan lebih banyak dialog terbuka dan pendekatan yang lebih mesra.
- Komuniti LGBT yang ingin berhijrah memerlukan sokongan yang berterusan untuk kembali ke jalan yang benar, dan usaha pemulihan yang lebih menyeluruh, termasuk rawatan fizikal dan rohani, mesti diteruskan.

bersambungan.....

1. Konteks: Konsep *al-Riqāb* pada asalnya merujuk kepada membebaskan hamba, tetapi dalam konteks kontemporari, sesetengah ulama dan negeri seperti Selangor, Negeri Sembilan, dan Terengganu telah memperluaskan maknanya untuk merangkumi individu yang terbelenggu oleh masalah sosial seperti transeksual, pelacur dan gigo.

2. Prinsip Penguatkuasaan Undang-Undang:

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti prinsip-prinsip undang-undang dalam syaria Islam mengenai kemasukan individu-individu ini di bawah asnaf *al-Riqāb* untuk pengagihan zakat. Ia menyokong tanggapan bahawa individu-individu ini perlu menerima zakat untuk membantu mereka membebaskan diri daripada krisis sosial dan moral.

3. Pendapat Ulama: Artikel ini membincangkan pelbagai pandangan ulama, dengan sesetengah ulama dan Majlis Fatwa menyokong tafsiran yang lebih luas bagi *al-Riqāb*, manakala yang lain menghadkannya kepada makna klasiknya (iaitu membebaskan hamba fizikal). Majlis Fatwa Selangor, sebagai contoh, menyokong penggunaan zakat untuk mereka yang menghadapi masalah sosial bagi membantu mereka kembali ke jalan yang lebih baik.

4. Kriteria Pengagihan Zakat: Artikel ini menggariskan kriteria bagi individu untuk menerima zakat di bawah asnaf *al-Riqāb* termasuk kekurangan sumber kewangan dan kesediaan untuk menjalani pemulihan.

Zakat untuk golongan transeksual, pelacur, dan gigo perlu diklasifikasikan dalam undang-undang Islam untuk membantu mereka mengatasi krisis ketidaktahuan dan terus menjamin masa depan mereka.

Prinsip Penguatkuasaan Undang-Undang dalam Hukum Islam mengenai Pengagihan Zakat kepada Transgender, Pelacur dan Gigo.

8 Mohd Kashim et al. (2021)

1. **Cabaran Kehamilan Luar Nikah: Isu-isu** berkaitan kehamilan remaja dan implikasi sosial serta kesihatan mereka.
2. **Pemulihan dan Perlindungan:** Cabaran penubuhan dan operasi Pusat Perlindungan Wanita bagi kehamilan luar nikah.
3. **Tafsiran Moden Asnaf al-Riqab:** Penilaian semula pengagihan zakat untuk asnaf *al-Riqab* bagi melibatkan bentuk cabaran sosial dan moral moden.
4. **Pengurusan Zakat:** Analisis potensi dana zakat dalam menyokong rumah perlindungan wanita dan menangani isu sosial.
5. **Usaha Masyarakat dan Kerajaan:** Peranan pihak berkuasa Islam dan NGO dalam mengurangkan isu sosial berkaitan kehamilan luar nikah

Potensi Pengagihan Zakat kepada Asnaf *al-Riqab*: Pusat Perlindungan Wanita

9 Rilizam Rosli et al. (2021)

Menurut kesimpulan artikel, kehilangan luar nikah adalah masalah serius yang memerlukan penyelesaian yang tertumpu, seperti tempat perlindungan selamat dan pemulihan yang cekap. Selain itu, menggunakan wang zakat di bawah asnaf *al-Riqab* boleh membantu memastikan pusat-pusat ini mempunyai wang yang mencukupi untuk beroperasi secara mampan. Adalah disyorkan agar makna tradisional asnaf *al-Riqab* diperluaskan untuk merangkumi isu-isu masyarakat kontemporari bagi menangani kemiskinan dan krisis moral sepenuhnya selaras dengan Maqasid Syariah.

Kesukaran Ekonomi dalam Komuniti Hijrah LGBT

Menjelaskan cabaran kewangan yang dihadapi oleh komuniti ini, khususnya selepas penghijrahan, serta impak krisis COVID-19 terhadap sektor perniagaan yang diceburi mereka.

Impak Program Latihan Hijrah
'MYREF Digital Entrepreneur' untuk Kemandirian Komuniti Hijrah (LGBT)

10 N. S. Ismail et al. (2022)

- Komuniti hijrah LGBT seharusnya dibantu dalam Islam kerana mereka dianggap sebagai asnaf *al-Riqab*, yang berhak menerima zakat.

- Para peserta komuniti hijrah yang terpilih telah menunjukkan pelbagai pencapaian pada fasa kedua program MyREF *Digital Entrepreneur*, termasuk pengurusan perniagaan yang lebih baik, strategi pemasaran digital yang pelbagai dan peningkatan keuntungan jualan. Kejayaan ini menunjukkan bahawa orang yang tinggal di kawasan penghijrahan boleh meningkatkan kehidupan mereka dengan penghijrahan dan memulakan perniagaan.

Peranan Program Latihan Kesusahawanan MyREF Digital Entrepreneur: Mengupas tentang inisiatif yang diambil melalui program latihan ini untuk membantu komuniti hijrah dari sudut ekonomi melalui pembangunan kemahiran kesusahawanan.

Keberkesanan Program dan Kemandirian Ekonomi: Melihat kepada impak jangka panjang program kesusahawanan dari aspek ekonomi dan kemandirian hidup komuniti hijrah LGBT.

sambungan.....

Pembangunan Panduan
Pemulihan Remaja
dengan Kehamilan Luar
Nikah (*al-Manjiyyat*)
untuk Pusat Pemulihan
Asnaf *al-Riqāb*

11 Rosli et al. (2023)

Unsur Taubat Menurut Imam al-Ghazali:

- Renungan diri: merenung diri sendiri
- *Muraqabah*: menghukum diri sendiri atas keberanian
- *Mu'atabah*: mencela dan mengkritik diri sendiri
- Mujahadah: bertaubat kepada diri sendiri

Kajian mendapati bahawa selain kemudahan pemulihan asnaf *al-Riqāb*, manual ini boleh digunakan lebih luas dalam organisasi seperti jabatan agama negeri, pusat khidmat keluarga dan masyarakat, serta pusat kaunseling. Maktum balas yang diterima sepanjang pelaksanaan menunjukkan bahawa dengan menggalakkan disiplin diri dan pemahaman yang lebih mendalam tentang Syariah Islam, buku panduan ini dapat membantu pelajar mengelakkan pengulangan kesilapan mereka. Buku panduan itu akhirnya dilihat sebagai alat yang berguna untuk menyokong remaja hamil dalam penyembuhan moral dan rohani mereka, membolehkan mereka untuk mengintegrasikan semula ke dalam masyarakat dengan rasa diri yang lebih kuat dan komitmen yang lebih besar terhadap iman.

bersambung.....

Objektif ZCAP

- ZCAP direka untuk membantu asnaf (individu yang layak menerima zakat) dengan menyediakan bantuan modal tanpa faedah untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan kecil, bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup mereka dan mengeluarkan mereka daripada kemiskinan.

Cabaran dalam Penyertaan

- Walaupun ZCAP menawarkan kelebihan yang ketara, namun masih kurang popular berbanding bantuan tunai kerana ia memerlukan usaha daripada penerima untuk menjalankan perniagaan, tidak seperti bantuan tunai yang mudah.

12 Ibrahım et al.
(2023)
Program Bantuan
Modal Zakat untuk
Usahawan Asnaf: Isu
dan Cabaran

Isu Pengurusan dan Pemantauan

- Terdapat kekurangan pemantauan yang betul daripada institusi zakat. Banyak perniagaan tidak dipantau selepas latihan awal yang telah menyebabkan kegagalan sesetengah perniagaan asnaf.

Faktor Kejayaan dan Kegagalan

- Faktor kejayaan utama termasuk motivasi dan pengurusan perniagaan yang berkesan, manakala faktor kegagalan yang biasa termasuk kekurangan rekod kewangan yang betul, keengganan untuk mengambil risiko, dan kegagalan untuk memisahkan kewangan peribadi dan perniagaan.

Artikel ini merumuskan bahawa Program Bantuan Modal Zakat (ZCAP) mempunyai potensi besar untuk membantu asnaf keluar daripada kemiskinan dengan membolehkan mereka menjadi usahawan yang berjaya. Walau bagaimanapun, beberapa cabaran menghalang kejayaannya, terutamanya sikap penerima yang mungkin terlalu bergantung kepada bantuan tanpa berusaha keras untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Bidang utama yang perlu diperbaiki termasuk:

- Perubahan sikap dalam kalangan penerima untuk menggalakkan penyertaan yang lebih aktif.
- Penyimpanan rekod kewangan yang betul untuk mengurus perniagaan dengan berkesan.
- Pemantauan dan sokongan berterusan daripada institusi zakat, seperti latihan berterusan, untuk membantu penerima menyesuaikan diri dengan persekitaran perniagaan yang berubah.

Walaupun menghadapi cabaran ini, ZCAP adalah alat yang berkesan untuk mengubah penerima asnaf menjadi pembayar zakat dan memerangi kemiskinan. Penyelidikan masa depan dan penambahbaikan dalam pelaksanaan program adalah penting untuk mencapai potensi penuhnya.

- | | | | |
|---|---|--|---|
| <p>13 Afidah & Zul-kifli (2023)</p> | <p>Persepsi Masyarakat Islam terhadap Cadangan Perluasan Konsep <i>al-Riqāb</i> bagi Pemulihan Pesakit Mental: Satu Tinjauan Awal</p> | <p>Tema:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengetahuan Masyarakat Terhadap Maksud <i>al-Riqāb</i> • Kesedaran Masyarakat Terhadap Isu Konsep <i>al-Riqāb</i> • Pandangan Masyarakat Terhadap Cadangan Perluasan <i>al-Riqāb</i> bagi Pemulihan Pesakit Mental • Pandangan Masyarakat terhadap Pengkhususan Jenis Pesakit Mental yang Sesuai bagi Asnaf <i>al-Riqāb</i> • Kefahaman Masyarakat Terhadap Fungsi Pemberian Zakat | <ul style="list-style-type: none"> • Responden memahami istilah asnaf <i>al-Riqāb</i> tetapi sudah biasa dengan perkataan ‘hamba’ sejak di bangku sekolah maka masyarakat seolah seperti kurang berpengetahuan. • Responden kurang cakna dengan isu-isu melibatkan asnaf <i>al-Riqāb</i>. • Dalam menangani cadangan ini, responden terbahagi kepada dua bahagian iaitu responden yang bersetuju menyatakan bahawa cadangan ini adalah munasabah kerana ia memerlukan perbelanjaan untuk rawatan pesakit mental serta responden yang tidak bersetuju berpendapat bahawa ia tidak munasabah kerana tidak memenuhi garis panduan <i>al-Riqāb</i> yang digariskan oleh ulama terdahulu. • Responden berpecah kepada dua bahagian: mereka bersetuju bahawa bantuan kewangan tidak sesuai untuk semua pesakit mental yang relevan dan mereka tidak bersetuju kerana ia dianggap sebagai ketidakadilan. • Responden tidak memahami tujuan dan fungsi sebenar zakat. Sebaliknya, mereka hanya melihat zakat sebagai alat kewangan untuk membantu mereka yang berada dalam keadaan yang tidak bernasib baik. |
|---|---|--|---|

14	Begum et al. (2023)	Impak Ekonomi Sekatan Pengerakan COVID-19 terhadap Wanita Trans Melayu di Malaysia: Satu Kajian Kualitatif	<p>Tema 1: Perjuangan pekerjaan dan kehilangan pendapatan</p> <p>Tema 2: Terpaksa menggunakan simpanan untuk terus hidup</p> <p>Tema 3: Ketidakjaminan makanan akibat kekangan kewangan yang teruk</p> <p>Tema 4: Impak terhadap kemudahan</p> <p>Tema 5: Beban kewangan untuk menyokong orang lain</p> <p>Tema 6: Bergantung kepada bantuan</p> <p>Tema 7: Keengganan mendapatkan bantuan kewangan disebabkan stigma dan diskriminasi yang diandaikan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kajian ini telah menunjukkan bahawa kesejahteraan ekonomi wanita trans Melayu di Malaysia terjejas secara signifikan oleh penutupan COVID-19. Disebabkan perintah berkurung, ramai yang mengalami kesukaran kewangan dan masalah yang pelbagai, daripada kehilangan pekerjaan hingga kelaparan makanan. • Penemuan kajian ini juga mencadangkan agar Majlis Agama Islam Negeri dan pihak-pihak berkaitan lain di Malaysia dan seluruh dunia yang menyelia zakat menggunakan Majlis Agama Islam Selangor sebagai contoh. Demi kepentingan masyarakat, pihak berkuasa mesti mengkaji semula dan menambah baik idea <i>al-Riqab</i> untuk kumpulan tertentu ini bagi mengelakkan konflik agama dan menangani masalah identiti populasi LGBT dengan berkesan.
15	Fahrurrazi & Bhari (2023)	Analisis Kutipan dan Agihan Zakat di Negeri Sembilan	<p>1. Kecekapan Pengumpulan dan Pengagihan Zakat: Meneliti sama ada dana zakat dikumpul dan diagihkan secara berkesan oleh majlis agama.</p> <p>2. Pengenalpastian dan Keutamaan Kumpulan Asnaf: Membincangkan kriteria untuk mengenal pasti dan mengkatégorikan asnaf yang layak serta mengutamakan keperluan mereka dalam pengagihan dana.</p> <p>3. Faktor-faktor yang membawa kepada lebihan: Menyelidik sebab-sebab lebihan dana zakat, termasuk kelewatan prosedur, maklumat tidak lengkap dan cabaran pengagihan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tujuh golongan menerima dana zakat: <i>Ibn Sabil</i> (musafir yang memerlukan), <i>Fisabilillah</i> (mereka yang berada di jalan Allah), <i>Muallaf</i> (muallaf), <i>Miskin</i> (orang miskin), <i>Fakir</i> (orang yang daif), dan <i>Amti</i> (pentadbir zakat). Oleh kerana definisi kumpulan ini masih dalam semakan, pengagihan kepada asnaf <i>al-Riqab</i> (mereka yang membebaskan diri daripada perhambaan) tidak termasuk dalam tahun-tahun ini.
16	Desa et al. (2024)	<i>Fiqh al-Awlawiyat:</i> Perubahan dan Corak Agihan di Lembaga Zakat Negeri Kedah	<ul style="list-style-type: none"> • Peratus Agihan kepada Asnaf <i>al-Riqab</i> tahun 2017: 0.0% • Peratus Agihan kepada Asnaf <i>al-Riqab</i> tahun 2018: 0.01% • Peratus Agihan kepada Asnaf <i>al-Riqab</i> tahun 2019: 0.02% • Peratus Agihan kepada Asnaf <i>al-Riqab</i> tahun 2020: 0.04% 	<ul style="list-style-type: none"> • Pada tahun 2020, bantuan kepada asnaf <i>al-Riqab</i> telah meningkat daripada RM0.00 pada tahun 2017 kepada RM351,356.00.

PERBINCANGAN

Merujuk dapatan di Jadual 1, pengkaji mendapati bahawa terdapat pelbagai konteks dan perspektif terhadap golongan *al-Riqāb* dibahasakan di dalam kajian-kajian lepas. Antaranya tema yang dibincangkan dalam kajian lepas ialah penafsiran golongan *al-Riqāb* berkaitan zakat. Contohnya, kajian Yusof et al. (2020) yang mengkaji semula pengkategorian penerima zakat dalam kalangan asnaf *al-Riqāb*. Kajian Zafirah et al. (2021) pula meneliti perluasan tafsiran ini kepada komuniti LGBT di Selangor. Seterusnya Muhammad Ikhlas et al. (2021) membahasakan mengenai *al-Riqāb* sebagai salah satu asnaf zakat serta perdebatan tafsiran asnaf ini. Seterusnya, kajian Mohd Izhar et al. (2021), yang mengenal pasti prinsip perundangan dalam perundangan Islam berhubung kemasukan individu transeksual, pelacur dan gigolo di bawah asnaf *al-Riqāb* bagi pengagihan zakat. Seterusnya, kajian Fahrurrazi dan Bhari (2023) membincangkan tujuh kategori asnaf yang mendapat agihan zakat di negeri Kedah dan mengecualikan asnaf *al-Riqāb* kerana masih lagi dalam kajian yang mendalam terhadap golongan tersebut. Akhir sekali ialah kajian Desa et al. (2024), yang melaporkan bantuan asnaf oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah dan antaranya diagihkan kepada asnaf *al-Riqāb*. Tema zakat ini umumnya membincangkan asnaf *al-Riqāb* dalam perspektif zakat.

Di samping tema zakat, terdapat juga tema komuniti LGBT dikenalpasti dalam SLR ini. Antaranya ialah Siti Solehah et al. (2021) yang mengenalpasti program dakwah yang dilaksanakan oleh Bahagian Pemulihan *al-Riqāb*, MAIS terhadap golongan LGBT, seterusnya, kajian Azman et al. (2019) yang mengenal pasti program pemulihan LGBT yang dijalankan oleh Bahagian Pemulihan Riqab, MAIS. Kajian Ato'a et al. (2021) pula menilai peranan dan cabaran bahagian tersebut. Nurul Suhada et al. (2022) mengkaji kesan latihan keusahawanan terhadap komuniti hijrah LGBT, manakala Begum et al (2023) meneliti impak pandemik terhadap wanita transgender Melayu semasa sekatan perjalanan yang dilaksanakan di Malaysia semasa pandemik tersebut. Umumnya, tema komuniti LGBT ini menunjukkan bahawa kajian-kajian lepas membincangkan asnaf *al-Riqāb* khususnya dalam kategori LGBT.

Selain itu, terdapat tema golongan wanita hamil anak luar nikah yang ditafsirkan sebagai golongan asnaf *al-Riqāb*. Antaranya ialah Mohd Rilizam et al. (2023) yang mengeluarkan garis panduan kepada wanita-wanita yang mengandung anak luar nikah agar dijadikan rujukan mereka sepanjang berada di pusat pemulihan. Seterusnya, kajian Rilizam Rosli et al. (2021) yang bertujuan untuk menafsir semula konsep asnaf *al-Riqāb* bagi menangani cabaran sosial moden, terutamanya menyokong Pusat Perlindungan Wanita melalui pengagihan zakat dan untuk mencadangkan model pengurusan lestari bagi pusat-pusat ini agar membantu wanita yang terjejas oleh kehamilan luar nikah dan eksploitasi.

Akhir sekali, pengkaji mendapati terdapat tema golongan pesakit mental yang dicadangkan untuk ditafsirkan sebagai asnaf *al-Riqāb*. Antaranya ialah kajian Afidah & Zul-kifli (2023) yang mengkaji persepsi masyarakat Islam terhadap cadangan perluasan konsep *al-Riqāb* bagi pemulihan pesakit mental. Selain itu, artikel kajian Che Ahmat et al. (2020) membincangkan perluasan konsep *al-Riqāb* kepada pesakit-pesakit mental. Ringkasan tema-tema ini seperti berikut:



RAJAH 2 Ringkasan Tema Golongan *al-Riqāb* di Malaysia

Berdasarkan Rajah 2 di atas, jelas menunjukkan penggunaan istilah *al-Riqāb* bersandarkan kepada tema zakat dan tema LGBT serta sedikit berkaitan wanita mengandung anak luar nikah dan pesakit mental. Namun begitu, menurut Azman Ab Rahman et al. (2016), terdapat pelbagai definisi *al-Riqāb* yang dibincangkan oleh 14 negeri di Malaysia. Definisi tersebut adalah seperti berikut:

JADUAL 2 Definisi *al-Riqāb* di Malaysia

Bil	Negeri	Pengertian <i>al-Riqāb</i>
1	Johor	<i>al-Riqāb</i> ialah hamba yang dimiliki oleh tuannya dan berhasrat untuk memerdekakan diri masing-masing.
2	Kedah	<i>al-Riqāb</i> ialah hamba yang dimerdekakan termasuk juga membebaskan orang Islam yang ditawan oleh orang kafir.
3	Kelantan	
5	Negeri Sembilan	<i>al-Riqāb</i> bertujuan untuk memerdekakan orang Islam daripada cengkaman penghambaan dan penaklukan, sama ada fizikal atau mental, seperti cengkaman kejahilan dan di bawah penguasaan individu tertentu.
6	Pahang	
8	Perlis	
13	Terengganu	
14	Wilayah Persekutuan	
4	Melaka	<i>al-Riqāb</i> ialah hamba yang diberikan peluang oleh tuannya untuk menebus atau memerdekakan dirinya tetapi mereka tidak mempunyai wang untuk tujuan tersebut.
7	Perak	<i>al-Riqāb</i> ialah hamba yang memerdekakan dirinya daripada terbelenggu oleh kuasa yang menghalangnya daripada bebas atau keluar daripada penaklukan.
9	Pulau Pinang	<i>al-Riqāb</i> ialah memerdekakan hamba termasuk juga melepaskan orang Islam yang ditawan oleh orang kafir. Mereka berusaha untuk menyempurnakan perjanjian bagi menebus dirinya.
10	Sabah	<i>al-Riqāb</i> ialah seseorang yang ditahan sebagai hamba yang memerlukan bantuan untuk membebaskan dirinya daripada apa-apa tanggungan yang telah dikenakan ke atas dirinya.
11	Sarawak	<i>al-Riqāb</i> ialah hamba yang dijanjikan oleh tuannya untuk dimerdekakan dengan cara menebus dirinya dengan sejumlah wang. Dan juga, membebaskan kaum Muslimin daripada cengkaman penghambaan dan penaklukan sama ada daripada segi fizikal, mental, kejahilan ataupun terkongkong di bawah penguasaan orang zalim.
12	Selangor	<i>al-Riqāb</i> ialah seseorang yang terbelenggu di bawah sesuatu kuasa atau keadaan yang menjadi hambatan kepada dirinya bagi menjalani kehidupan yang lebih baik.

Berdasarkan Jadual 2 di atas, negeri Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, Terengganu dan Wilayah Persekutuan mempunyai definisi yang sama mengenai *al-Riqāb*. Manakala negeri-negeri lain mendefinisikan *al-Riqāb* mengikut pandangan masing-masing namun masih dalam konteks terbelenggu di bawah sesuatu kuasa dan inginkan kemerdekaan.

Menurut Rilizam et al. (2018), majoriti negeri di Malaysia tidak mengagihkan zakat kepada asnaf *al-Riqāb* kerana penghambaan tidak wujud di Malaysia sebagaimana telah didefinisikan dalam Jadual 2. Menurut Azman Ab Rahman et al. (2016), Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu, Perlis, Pahang dan Melaka adalah enam negeri sahaja yang menyediakan program bantuan kepada asnaf *al-Riqāb*.

Zaman perhambaan telah berakhir hasil usaha pembebasan oleh umat Islam. Oleh itu, takrif *al-Riqāb* kini diperluas meliputi mereka yang terbabit dalam pelacuran dan ingin membebaskan diri daripada kongkongan, hutang atau eksploitasi (Azman Ab Rahman et al. 2016). Hal ini disokong oleh Azhar et al. (2023) yang turut menjelaskan bahawa asnaf *al-Riqāb* perlu diperluaskan kepada mangsa pengabaian ibu bapa, penderaan kanak-kanak dan keganasan rumah tangga serta kanak-kanak yang terlibat dalam jenayah. Berdasarkan hasil kajian artikel ini, jelas menunjukkan golongan *al-Riqāb* yang tidak hanya terhad pada makna 'hamba' secara literal. Hal ini dapat dilihat pada kajian yang membabitkan golongan LGBT, wanita hamil anak luar nikah dan pesakit mental. Perkara ini disebabkan amalan di Malaysia meluaskan *qiyas* hamba tersebut kepada makna 'terbelenggu' (Azman Ab Rahman et al. 2016).

KESIMPULAN

Kajian ini meneliti penafsiran golongan *al-Riqāb* di Malaysia melalui kaedah SLR dan menunjukkan perluasan tafsirannya daripada pembebasan hamba tradisional kepada golongan yang terbelenggu dengan masalah sosial, mental dan akidah seperti LGBT, pesakit mental serta wanita hamil luar nikah. Kajian ini menganalisis artikel-artikel terdahulu dalam tempoh 5 tahun terkini iaitu dari tahun 2019 sehingga 2024. Pengkaji dapati bahawa daripada 25 artikel yang didapati daripada pangkalan data, hanya 16 artikel sahaja yang dipilih dan layak untuk dianalisis. Majoriti artikel kajian yang dianalisis membahaskan golongan *al-Riqāb* dalam konteks zakat manakala sebahagian artikel membahaskan dan mengaitkan golongan LGBT dengan asnaf *al-Riqāb*. Segelintir artikel pula membahaskan wanita hamil anak luar nikah dan perluasan istilah *al-Riqāb* kepada pesakit mental.

Secara tradisi, istilah *al-Riqāb* merujuk kepada pembebasan hamba dalam konteks perhambaan fizikal pada zaman awal Islam. Apabila sistem perhambaan berakhir, maka para sarjana dan institusi zakat mula menafsirkan semula konsep ini agar lebih

sesuai dengan konteks semasa. Dengan perubahan pemahaman ini, bantuan zakat boleh diberikan kepada individu yang terbelenggu hari ini, iaitu mereka yang terperangkap dalam halangan sosial, psikologi dan kerohanian yang menghalang mereka daripada menjalani kehidupan yang bebas dan bermaruah.

Oleh itu, pengkaji mencadangkan penyelidikan tambahan untuk mengukuhkan kerangka konseptual dan praktikal *al-Riqāb* dalam dunia moden untuk menjadikannya lebih berkesan dan tepat sasaran. Secara keseluruhan, kajian ini menggalakkan penilaian dan penyelidikan lanjut tentang *al-Riqāb* supaya idea tersebut terus relevan untuk membantu orang yang terpinggir mengatasi cabaran mereka mengikut tuntutan zaman dan keperluan masyarakat.

PENGHARGAAN

Kajian ini sebahagian daripada Geran Penyelidikan Negeri Selangor (GPNS) 2023. Kod Penyelidikan: SUK/GPNS/2023/TSE/04, Universiti Islam Selangor yang bertajuk Sistem Pengurusan Kualiti Islam Pengajian Akidah di Pusat Pemulihan, Negeri Selangor.

RUJUKAN

- Afidah, N. & Zul-kifli, H. 2023. Persepsi masyarakat Islam terhadap cadangan perluasan konsep al-Riqab bagi pemulihan pesakit mental: Satu tinjauan awal. *Al-Takamul Al-Ma'rifi* 6(1): 1-17.
- Azhar, Z., Mydin, M. K. K. & Pitchay, A. A. 2023. Zakat distribution priorities in Malaysia: An analytic hierarchy process analysis. *Asian Journal of Business and Accounting* 16(1): 69-87. <https://doi.org/10.22452/ajba.vol16no1.3>.
- Azman Ab Rahman, Arief Salleh Rosman, Ahmad Wifaq Mokhtar, Mohd Nasir Abdul Majid, Ahmad Najaa' Mokhtar & Muhamad Firdaus Ab Rahman. 2016. *Kedudukan Asnaf Ar-Riqab sebagai Penerima Zakat di Malaysia* (1st ed.). Penerbit USIM & Majlis Agama Islam Selangor.
- Begum, F., Mohideen, S., Baharom, N., Fakhri, M., Baharin, A., Hasanah, K., Abdullah, A., Hanim Mokhtar, R. & Daud, Z. 2023. The economic impact of COVID-19 lockdown on Malay trans women in Malaysia: A qualitative study kesan ekonomi dari perintah berkurung COVID-19 terhadap wanita trans melayu di Malaysia: Kajian kualitatif. *Sains Insani* 08: 226-236. <https://doi.org/https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol8no2.521>.
- Brown, J. 2019, August 15. *Perhambaan dan Islam: Apakah Perhambaan?* Yayasan Yaqeen Malaysia. <https://yaqeeninstitute.org.my/read/paper/perhambaan-dan-islam-apakah-perhambaan> [1 Disember 2024].

- Cazzell, M. 2020. *Literature review: critiquing quantitative and qualitative research articles* [Video]. Sage Knowledge. <https://doi.org/10.4135/9781529725759>.
- Che Ahmat, A., Ismail, I. A., Sa'ari, C. Z. & Mohamed Noh, A. M. 2020. Cadangan kontemporari perluasan konsep al-riqab bagi pemulihan pesakit mental. Dlm. H. Zainal, N. A. Ahmad, & M. Z. Azizan (pnyt.). *E-Prosiding Seminar Kewangan Islam Kebangsaan 2020*. Anjuran Lembaga Zakat Negeri Kedah, 28 April-21 Mei.
- Desa, R., Zainon, M., Zain, M. N. & Md Dahlal, N. H. 2024. Fiqh al-awlawiyyat: Perubahan dan corak agihan di lembaga zakat negeri Kedah. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance* 5(2): 27-50. <https://doi.org/10.51377/azjaf.vol5no2.182>.
- Fahrurrizi, N. N. & Bhari, A. 2023. Analysis of zakat collection and distribution in Negeri Sembilan. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 30(2): 258-266. <https://al-qanatir.com/aq/article/view/663>.
- Husain, H., Makkarateng, M. Y., Arafah, Muh. & Hasan, H. 2024. Wahbah Zuhaily on riqāb: reshaping its implementation in South Sulawesi. *TSAQAFAH* 20 (2): 515-536. <https://doi.org/10.21111/tsaqafah.v20i2.12493>.
- Ibn Kathīr. 2008. *Tafsir Ibn Kathīr*. Jilid 3. Aman: Dār al-Faruq.
- Ibrahim, A. Z., Taha, R., Hamzah, M. A., Salleh, Z., Ahmad, N. & Azmi, R. 2023. Zakat Capital Assistance Programme for Asnaf Entrepreneurs: Issues and Challenges. *Journal of Business and Social Development* 11 (2): 64-71. <https://doi.org/10.46754/jbsd.2023.09.0.05>.
- Imam al-Qasimi. 1997. *Tafsir al-Qasimi* (Vol. 1). Beirut: Dar al-Kotob al-Ilmiyah.
- Imam at-Tobari. 2007M/1428H. *Tafsir al-Tabari*. Jilid 2. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Imam Fakhrudin al-Razi. 1981. *Tafsir al Kabir (Mafatih al-Ghayb)*. Vol. 3. Beirut: Dar Fikir.
- Ismail, N. S., Johari, F. F. & Makhtarudin, N. A. 2022. Impak program latihan “myref digital entrepreneur” untuk kemandirian komuniti hijrah (LGBT). *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*: 1-17. <https://doi.org/10.51377/azjaf.vol3no3.131>.
- Ismail, Y., Awang, A. B. & Mhd Sarif, S. 2020. Re-categorizing recipients of zakat under riqab for sustainable development goals. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy* 1: 2672-7471.

- Jia-Guo Zhao. 2014. Combination of multiple databases is necessary for a valid systematic review. In *International Orthopaedics* 38 (12): 2543-2549. Springer Verlag. <https://doi.org/10.1007/s00264-014-2450-7>.
- Mengist, W., Soromessa, T. & Legese, G. 2020. Ecosystem services research in mountainous regions: A systematic literature review on current knowledge and research gaps. *Science of the Total Environment* Vol. 702: 134581. <https://doi.org/10.1016/j.scitotenv.2019.134581>.
- Mohd Kashim, M. I. A., Mud Adnan, N. I., Muhd Adnan, H. & Muhd Adnan, N. I. 2021. Law enforcement principle in islamic ruling on zakat distribution to transexuals, prostitutes and gigolos. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6 (6): 215-224. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i6.794>.
- Mohd Yusof, Z. A., Ab Rahman, A. & Syed Shamsuddin, S. S. 2024. Analisis literatur secara sistematik pendekatan pengurusan zakat dalam usaha membasmi kemiskinan pasca pandemik. *Journal of Fatwa Management and Research* 29(1): 167-185. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol29no1.578>.
- Mokhtar, A., Yusuf Marlon Abdullah, M., Hakim Arshad, M. & N. Amalina N. 2021. Bahagian pemulihan al-riqab: peranan dan cabarannya dalam menyantuni komuniti lgbt al-riqab recovery department: Roles and challenges in dealing with lesbian, gay, bisexual and transgender community. *Jurnal Pengajian Islam* 14: 218-230.
- Rahman, A. A., Ab Ghani, N. A., Zakaria, M. A. & Mohd Faisal Yeap, M. J. 2019. Program pemulihan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT): bahagian pemulihan riqab, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). *International Journal of Academic Research* 6(2): 27-34. <https://perdanajournal.com/>.
- Rilizam, M., Rosli, B., Salamon, H. Bin & Huda, M. 2018. Distribution management of zakat fund: Recommended proposal for asnaf riqab in Malaysia. *International Journal of Civil Engineering and Technology (IJCIET)* 9(3): 56-64. <https://iaeme.com/Home/issue/IJCIET?Volume 9 & Issue 2>.
- Rilizam Rosli, M., Salamon, H., Salleh Rosman, A., Ali, M., Farhan, M., Syukri, M., Shakib Mohd Noor, S., Hisyam Nor Muhamad, N., Naqib Hamdan, M., Bashiron, B. & Rafiq Hussin, E. 2021. Potentials zakat distribution to asnaf ar-riqab: The women protection centre. *Revista Geintec-Gestao Inovacao E Tecnologias* 11 (2): 991-1000. <https://doi.org/10.04.2021>.
- Rosele, M. I., Abdullah, L. & Ahmad Nadzri, A. 2021. Perluasan konsep al-riqab dalam pengurusan zakat: Satu penilaian fiqh. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society* 15: 17-24.

- Rosli, M. R., Muhammad Don, M. A., Ahmad, M. F., Mohd Senin, M. S., Mohammed Zabidi, M., P. Othman, N. & Saidalvi, A. 2023. Developing a guide for the recovery of teenagers with premarital pregnancy (al-munjiyyat) for the asnaf riqab recovery center. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences 13* (10): 1124-1130. <https://doi.org/10.6007/ijarbs/v13-i10/18972>.
- Senin, N., Azizan, N. I., Ismail, N. & Shafie, Z. 2020. Tinjauan sistematik terhadap faktor penyucian lembu dalam hindu [a systematic review on the veneration of cows in hinduism]. *Journal Al-Irsyad 5*(1): 226-233.
- Solehah Mat Aleh, S., Mohd Haridi, N. H., Sudi, S. & Mohamad Jodi, K. H. 2021. Program dakwah bahagian pemulihan al-riqab, mais terhadap komuniti lgbt: Satu tinjauan awal: Dakwah program of riqab's rehabilitation section, mais for lgbt community: An early review. *Jurnal Pengajian Islam 136*–148. <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/60>.
- Tambini Stollwerck, E. A., Rollmann, I., Friederich, H. C. & Nikendei, C. 2024. Responding to human trafficking among refugees: Prevalence and test accuracy of a modified version of the adult human trafficking screening tool. *BMC Public Health 24* (1): 1-10. <https://doi.org/10.1186/s12889-024-18997-7>.
- United States Department of State. 2011. *Trafficking in Persons Report – Malaysia*. <https://www.refworld.org/reference/annualreport/usdos/2011/en/79652>[19 November 2024].
- Xiao, Y. & Watson, M. 2019. Guidance on conducting a systematic literature review. *Journal of Planning Education and Research 39* (1): 93-112. <https://doi.org/10.1177/0739456X17723971>.
- al-Zamakhshari. 2006. *Tafsir al-Kasyaf* (Vol. 1). Dar al-Kotob al-Ilmiyah.
- Zafirah, Mualimin Mochamad Sahid & Muhamad Firdaus Ab Rahman. 2021. Zakat kepada golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (lgbt) sebagai asnaf ar-riqab: Kajian atas fatwa Negeri Selangor. *International Conference on Syariah & Law 2021 (ICONSAL 2021)*. Online Conference. 6 April 2021.